



JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

Malay Language Education Journal

Tahap Kemahiran Pedagogi, Motivasi dan Sikap Guru-Guru Bukan Opsyen Bahasa Melayu di Sekolah Rendah

(*The Level of Pedagogy Skills, Motivation and Attitude of Non-Option Primary School Teachers in Malay Language Teaching*)

Nur E'zzati Rusli¹ & Zamri Mahamod²

¹Brighton Internetaional School, Setiawangsa, Kuala Lumpur

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Koresponden: **Zamri Mahamod**, d-zam@ukm.edu.my

ISSN: 2180-4842

Terbitan: Mei, 2023

Volume: 13

Bilangan: 01

Halaman: 11-24

Dihantar pada:

20 November 2022

Diterima pada:

24 April 2023

Abstrak: Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah. Jumlah sampel kajian ini adalah seramai 80 orang responden yang melibatkan guru bukan opsyen Bahasa Melayu yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah rendah di daerah Hulu Langat. Dapatkan kajian ini diperoleh menggunakan kaedah tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) Versi 26.0. Analisis deskriptif menerangkan keputusan demografi dan boleh ubah pemahaman, motivasi dan sikap berdasarkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Analisis inferensi yang digunakan ialah analisis regresi linear berganda, ANOVA sehalas dan korelasi Pearson untuk mengkaji hubung kait antara boleh ubah kajian. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran pedagogi dan motivasi guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah berada pada tahap sederhana. Tahap sikap guru bukan opsyen Bahasa Melayu berada pada tahap rendah. Implikasi kajian ialah masih terdapat ramai guru bukan opsyen yang mengajar Bahasa Melayu dan ini memberi kesan negatif kepada PdP Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah. Kurang kemahiran pedagogi, kurang motivasi dan bersikap negatif boleh menjelaskan pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah. Oleh itu, mata pelajaran Bahasa Melayu sepatutnya diajar oleh guru opsyen Bahasa Melayu.

Kata kunci: Tahap kemahiran pedagogi, tahap motivasi, tahap sikap, guru bukan opsyen, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu

Abstract: This study was conducted to find out the factors that influence the teaching and learning of non-Malay Language option teachers in primary schools. The total sample of this study is a total of 80 respondents involving non-Malay Language teachers who teach Malay Language in primary schools in the district of Hulu Langat. The findings of this study were obtained using a survey method that uses a questionnaire as a research instrument. Data were analyzed using Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 26.0. *Descriptive analysis describes the results of demographics and variables in quantitative form. Inference analysis tests, multiple linear regression analysis was performed to study the types and levels of interactions between variables. The correlation test was also done to examine the type of correlation between variables.* The findings of the study show that the level of pedagogical understanding and motivation of non-Malay Language option teachers in primary schools is at a moderate level. The level of attitude of non-Malay Language option teachers is at a low level. The implication of the study is that there are still many non-option teachers who teach Malay Language and this has had a negative impact on T&L Malay Language at the primary school level. Therefore, Malay Language subjects should be taught by Malay Language option teachers.

Keywords: Level of pedagogy skill, level of motivation, level of attitude, non-option teacher, Malay Language teaching and learning

PENGENALAN

Sabtu tahun ratusan atau ribuan graduan dalam bidang Pendidikan dilahirkan sama ada dari Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institut Pendidikan Tinggi (IPT). Kesemua graduan telah dilatih dengan opsyen-opsyen tertentu seperti Pendidikan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah, Pendidikan Islam dan ssebagainya. Namun, realitinya apabila graduan-graduan ini ditempatkan di sekolah, ada kalangan mereka terpaksa atau lebih tepat lagi dipaksa untuk mengajar subjek atau bidang yang bukan opsyen mereka. Contohnya guru opsyen Pendidikan Jasmani dilantik menjadi guru Prasekolah, guru opsyen Matematik dilantik menjadi guru Bahasa Melayu dan sebagainya.

Dalam konteks mata pelajaran Bahasa Melayu, ramai guru bukan opsyen Bahasa Melayu diminta mengajar Bahasa Melayu di sekolah mereka ditempatkan. Sama ada di sekolah rendah mahupun sekolah menengah, pelantikan guru bukan opsyen sebagai guru Bahasa Melayu ini memberi banyak impak yang negatif bukan sahaja pada murid, malah pada guru itu sendiri. Berdasarkan kajian-kajian lepas kebanyakan guru mengalami masalah dalam pedagogi terhadap subjek yang bukan opsyen mereka (Zamri 2019). Guru juga didapati kurang mahir dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Perkara ini memberi kesan terhadap pencapaian murid dalam Bahasa Melayu. Masalah ini jika dibiarkan berterusan dikuatir akan memberi kesan terhadap sistem pendidikan negara.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) melalui Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2017-2025 sebagai satu usaha besar ke arah memartabatkan pendidikan Bahasa Melayu. Melalui pelan ini KPM menyasarkan untuk melahirkan *Murid Berketerampilan Berbahasa Melayu*. Pelan ini menggariskan tiga perkara utama, iaitu Pengukuhan Pendidikan Bahasa Melayu, Pembangunan Profesionalisme Guru serta Penyelidikan dan Inovasi serta Hubungan Luar. Berdasarkan pelan ini KPM menyasarkan 100 peratus guru penghususkan Bahasa Melayu mengajar Bahasa Melayu di sekolah. Namun begitu, bagi menjayakan dasar yang telah dirancang masih terdapat isu dan cabaran yang mengganggu, iaitu isu guru bukan opsyen. Realitinya masalah guru bukan opsyen berlaku di setiap negeri di Malaysia. Berdasarkan laporan KPM (2017) dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2017-2025, negeri seperti Johor, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan peratusan yang tertinggi, iaitu lebih daripada 50 peratus guru yang mengajar Bahasa Melayu merupakan guru bukan opsyen. Negeri-negeri lain juga mencatatkan peratusan yang tinggi antara 17 peratus hingga 50 peratus. Nilai peratusan jelas menunjukkan kebanyakan guru yang mengajar Bahasa Melayu merupakan guru bukan

opsyen sama ada di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah.

Haslina et al. (2017) dalam kajian menyatakan dalam bidang pendidikan terdapat dua kategori guru, iaitu guru mengikut opsyen dan guru bukan opsyen. Guru mengikut opsyen sebagai guru yang mengajar subjek berdasarkan latihan ikhtisas dalam bidang yang diikuti, manakala guru bukan opsyen merupakan guru yang mengajar subjek yang berlainan daripada latihan ikhtisas dalam bidang yang diikuti. Sebagai kesimpulan, guru bukan opsyen merupakan guru yang mengajar subjek yang lain daripada bidang ikhtisasnya.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Guru bukan opsyen yang mengajar Bahasa Melayu menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksanakan pengajaran sama ada secara formal atau tidak formal. Menurut Zamri (2019), guru bukan opsyen biasanya tidak mempunyai kemahiran dalam PdP kerana tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman. Guru bukan opsyen juga mempunyai masalah dalam menguasai pedagogi Bahasa Melayu kerana guru tidak mempunyai pendedahan mengenai subjek tersebut. Kedua-dua aspek ini sangat berkaitan kerana apabila guru bukan opsyen tidak menguasai pedagogi Bahasa Melayu ini secara langsung memberi kesan kepada kemahiran dalam PdP. Hal ini kerana guru tidak dapat membuat perkaitan antara pedagogi dengan kemahiran yang sesuai dalam Bahasa Melayu.

Guru bukan opsyen yang mengajar Bahasa Melayu mengalami masalah dalam menguasai kemahiran berbahasa. Umumnya, Bahasa Melayu dibahagikan kepada tiga kemahiran utama, iaitu kemahiran lisan, kemahiran menulis dan kemahiran membaca. Setiap kemahiran ini perlu dikuasai oleh murid dengan baik bagi membentuk kemahiran berbahasa yang baik dalam membentuk murid yang berketerampilan bahasa (KPM 2017). Apabila guru bukan opsyen tidak menguasai kemahiran berbahasa ini akan mengakibatkan terjadinya murid yang tidak pandai membaca, murid yang takut untuk bercakap dan murid yang tidak dapat menulis dengan betul.

Guru bukan opsyen juga mengalami masalah terutamanya dalam menentukan bahan bantu mengajar. Masalah ini berlaku kerana guru tidak menguasai pedagogi dalam Bahasa Melayu dan tidak dapat mengaitkan dan menentukan bahan pengajaran yang sesuai (Zamri 2019). Perkara ini menyebabkan guru cenderung memilih untuk mengajar secara tradisional tanpa melibatkan murid. Hal ini kerana guru tidak yakin dan takut jika terdapat murid bertanyakan soalan. Hal ini secara tidak langsung menjadikan PdP guru tidak menarik dan murid mudah berasa bosan. Kaviza et al. (2018) mendapati terdapat perbezaan antara guru bukan opsyen dan guru opsyen dalam penggunaan sumber pengajaran. Guru bukan opsyen tidak mempunyai pengetahuan dalam penggunaan sumber pengajaran

kerana pengetahuan yang terhad. Perkara ini menyebabkan guru bukan opsyen mempunyai sumber pengajaran yang sangat terhad sewaktu PdP. Selain itu, perkara ini menyebabkan PdP guru tidak menarik.

Haslina et al. (2017) dalam kajian mengenai persepsi bukan opsyen mengenai pengajaran Bahasa Arab mendapati, kebanyakan guru mempunyai persepsi yang negatif. Kajian juga mendapati guru bukan opsyen sukar menggunakan kemahiran dalam berbahasa. Kajian juga mendapati guru kurang menguasai kosa kata dan sukar untuk memberi penerangan mengenai konsep tertentu dalam PdP. Perkara ini menyebabkan guru bukan opsyen berasa rendah diri sewaktu mengajar. Lebih daripada itu, guru bukan opsyen juga mengalami masalah-masalah yang lain seperti gangguan emosi. Guru bukan opsyen cenderung berasa rendah diri dan kurang yakin sewaktu mengajar subjek yang bukan bidang terutamanya guru baharu. Terdapat juga guru yang tidak bersemangat untuk masuk ke kelas kerana takut.

Kajian juga mendapati guru bukan opsyen mempunyai cabaran dalam melaksanakan kurikulum dalam pengajaran di sekolah (Haslina et al. 2017). Guru bukan opsyen sukar untuk menentukan pendekatan dalam pengajaran. Hal ini kerana guru bukan opsyen tidak dapat mempunyai pengetahuan dan pendedahan mengenai kurikulum subjek yang diajarnya. Kajian Dicken dan Tajul Arifin (2017) mendapati keberkesanan PdP bergantung kepada kemahiran dan tahap pengetahuan guru. Kesediaan seseorang guru memainkan peranan yang penting dalam memastikan perjalanan PdP berjalan lancar dan berkesan. Kajian ini juga menyatakan bahawa guru yang berpengetahuan sangat penting dalam menghasilkan PdP yang berkualiti.

Kajian Siti Salwa et al. (2016) mendapati walaupun guru bukan opsyen mempunyai persepsi yang tinggi mengenai subjek yang diajar namun jika dibandingkan dengan guru opsyen masih lagi terdapat perbezaan yang ketara. Kajian mendapati guru bukan opsyen masih belum dapat menguasai beberapa subtopik dalam subjek yang diajar. Hal ini menunjukkan bahawa guru bukan opsyen belum mencapai tahap yang maksimum setanding dengan guru opsyen. Laporan akhbar Sinar Harian ada mengeluarkan berita bertajuk ‘Guru punca murid tak minat sejarah?’. Anon (2014) melaporkan perkara ini berlaku kerana guru yang mengajar subjek Sejarah bukan merupakan guru opsyen. Kebanyakan guru yang mengajar Sejarah merupakan guru penghususan Sains kerana lebihan guru dalam bidang tersebut.

Dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2017-2025, KPM (2017) ada mengeluarkan laporan mengenai pencapaian guru bukan opsyen Bahasa Melayu sebanyak 40.9 peratus guru bukan penghususan tidak sesuai mengajarkan Bahasa Melayu, manakala 37.8 peratus sesuai mengajarkannya tetapi masih perlu mengikuti kursus Bahasa Melayu.

Sebanyak 21.4 peratus sahaja guru bukan penghususan sesuai mengajarkan Bahasa Melayu. KPM menyatakan bahawa isu ini merupakan faktor utama yang menyumbang kepada prestasi Bahasa Melayu murid yang belum mencapai tahap cemerlang.

Oleh itu, dalam usaha memartabatkan dan memperkasakan Bahasa Melayu kajian ini penting dalam mengenal pasti cabaran yang dihadapi guru bukan opsyen Bahasa Melayu. Cabaran dilihat dari aspek tahap pemahaman pedagogi Bahasa Melayu, tahap motivasi, sikap dan masalah-masalah lain yang dihadapi oleh guru bukan opsyen yang mengajar Bahasa Melayu. Setakat ini tinjauan mengenai motivasi dan sikap guru bukan opsyen Bahasa Melayu kurang dijalankan. Kebanyakan kajian hanya memfokuskan kepada pedagogi guru bukan opsyen. Justeru itu, kajian ini penting dalam melihat persepsi guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah ketika mengajar Bahasa Melayu berdasarkan tahap pemahaman, motivasi dan sikap mereka dalam PdP Bahasa Melayu.

PENYATAAN MASALAH

Guru bukan opsyen Bahasa Melayu banyak menghadapi cabaran dalam PdP Bahasa Melayu. Pertama, guru bukan opsyen Bahasa Melayu mengalami masalah dalam menguasai dan memahami pedagogi Bahasa Melayu. Pedagogi merupakan strategi atau pendekatan yang digunakan dalam PdP (Zamri 2019). Guru bukan opsyen Bahasa Melayu tidak dapat menentukan kemahiran dan teknik pengajaran Bahasa Melayu yang sesuai, mengalami masalah merancang pengajaran seperti menentukan objektif pengajaran, tidak dapat memilih bahan bantu mengajar yang sesuai dengan topik pengajaran serta tahap kecerdasan murid dan tidak dapat mengurus bilik darjah dengan baik seperti pengurusan masa.

Guru bukan opsyen cenderung untuk menjalankan pengajaran sehala dan tidak melibatkan murid. Kaviza et al. (2018) mendapati guru bukan opsyen terlalu bergantung pada buku teks dan buku aktiviti sewaktu menjalankan PdP. Kajian Jain Chee (2018) mendapati guru bukan opsyen cenderung untuk tidak menggunakan pendekatan yang dicadangkan dalam Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP). Dicken dan Tajul Arifin (2017) dalam kajian mendapati guru bukan opsyen tidak berupaya menyampaikan isi kandungan pelajaran dengan lebih berkesan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

Guru bukan opsyen Bahasa Melayu mempunyai tahap motivasi yang rendah. Guru bukan opsyen juga kurang mendapat sokongan dan motivasi daripada pihak sekolah. Perkara ini menyebabkan guru bukan opsyen sering bersikap sambil lewa seperti peribahasa ‘*bagai melepas kan batu di tangga*’. Kajian Noor Shamshinar et al. (2014) mendapati guru bukan opsyen kurang diberi motivasi oleh pihak sekolah. Selain itu, guru juga tidak

mendapat sokongan dari rakan sekerja. Apabila keputusan ujian murid tidak memberangsangkan, guru bukan opsyen dipersalahkan oleh guru lain terutamanya Ketua Panitia Bahasa Melayu.

Guru bukan opsyen Bahasa Melayu mudah berputus asa dan mereka suka mengambil jalan pintas sewaktu menyelesaikan masalah. Perkara ini menyebabkan guru bukan opsyen Bahasa Melayu sering digelar '*malas*'. Guru bukan opsyen tidak bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu atau berusaha dalam meningkatkan kompeten diri. Selain itu, persepsi guru bukan opsyen Bahasa Melayu terhadap subjek Bahasa Melayu adalah susah. Guru bukan opsyen beranggapan Bahasa Melayu memerlukan pengetahuan yang tinggi dalam setiap kemahiran berbahasa. Guru bukan opsyen Bahasa Melayu lebih mudah untuk panik, takut dan gelisah. Hal ini disebabkan oleh perasaan rendah diri dan tidak yakin dengan pengajaran yang dijalankan. Noor Shamshinar et al. (2014) mendapati guru bukan opsyen tidak mempunyai keyakinan diri disebabkan faktor-faktor kesukaran dalam memahami dan mempelajari subjek yang diluar bidang.

Guru bukan opsyen Bahasa Melayu sering berhadapan dengan masalah dalam PdP Bahasa Melayu. Menurut Zamri et al. (2015) dan Zamri dan Anita (2020), guru bukan opsyen tidak dapat mengawal kepelbagaiaan kecerdasan murid yang pandai, sederhana dan lemah. Perkara ini menyebabkan guru bukan opsyen sukar sewaktu menyediakan lembaran kerja murid. Selain itu, guru bukan opsyen juga mempunyai masalah dalam penguasaan kosa kata dalam Bahasa Melayu. Perkara ini menjadi masalah apabila guru cuba memberi penerangan dan arahan kepada murid. Kajian Noor Shamshinar et al. (2014) mendapati guru bukan opsyen sukar menyusun ayat yang mudah untuk difahami murid. Terdapat juga guru yang menggunakan laras bahasa yang tinggi dan sukar difahami oleh murid.

Atas beberapa isu dan cabaran yang dihadapi guru-guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah ini, terdapat keperluan untuk mengkaji aspek pedagogi, motivasi dan sikap guru-guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah ini. Dapatkan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak KPM, JPN, PPD dan sekolah akan kesan mengambil guru bukan opsyen untuk mengajar terutamanya bagi subjek teras seperti Bahasa Melayu.

GURU BUKAN OPSYEN

Haslina et al. (2017) menyatakan guru yang mengajar subjek berlainan daripada kelayakan ikhtisas dikenali sebagai guru bukan opsyen. Menurut Roslan (2014), guru bukan opsyen juga boleh dimaksudkan dengan (i) guru-guru sementara, (ii) guru-guru kontrak, (iii) guru-guru yang dipinjamkan bagi tujuan menggantikan tempat kekosongan tenaga pengajar, (iv) guru-guru tiada pengkhususan. Hal ini bermakna guru bukan opsyen merupakan guru yang tidak mempunyai

kelayakan ikhtisas dalam PdP, termasuk yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu.

Jika ditelusuri dasar pendidikan di Malaysia, penekanan usaha dalam pembangunan modal insan yang berkualiti amat diberi perhatian. Hal ini dapat dilihat melalui kerangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia (PIPP) 2006-2010 (KPM 2006) dalam usaha membangunkan modal insan kelas pertama bagi mencapai usaha wawasan 2020. Usaha ini diteruskan lagi dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013) yang meneruskan lagi usaha pembangunan dan pembentukan modal insan di negara ini. Bagi usaha pembangunan modal insan yang berkualiti ini, guru yang berkualiti dan mempunyai kepakaran adalah amat diperlukan. Hariss dan Sass (2011) menyatakan bahawa kualiti guru merupakan kunci bagi meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah sama ada peringkat menengah ataupun rendah.

Penguasaan pedagogi mata pelajaran bagi seorang guru merupakan pendukung utama dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam bilik darjah. Guru harus mempunyai pemahaman yang utuh dalam mata pelajaran yang diajar. Magdeline dan Zamri (2016) menyatakan bahawa guru perlu mempunyai kepakaran dari pelbagai aspek seperti pengetahuan pedagogi kandungan terhadap bidang pelajaran yang diajar, menguasai kaedah pengajaran dan pengurusan disiplin murid bagi memastikan proses PdP dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Pendapat ini juga disokong oleh Ong et al. (2019) yang menyatakan guru seharusnya mempunyai ilmu yang khusus dalam bidang mata pelajarannya. Siti Salwa (2014), guru seharusnya mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam penguasaan mata pelajaran tertentu.

Keperluan penguasaan dan kemahiran dalam pedagogi pengajaran memainkan peranan yang tersendiri dalam mempersiapkan guru sebelum mampu menyampaikan PdP di sekolah. Namun begitu pihak sekolah seringkali menghadapi kesukaran menempatkan guru opsyen atau guru yang mempunyai ikhtisas dalam bidangnya untuk mata pelajaran tertentu lebih-lebih lagi sekolah yang menghadapi kekurangan tenaga pengajar. Menurut Magdeline dan Zamri (2016), pengetahuan pedagogi isi kandungan dalam kalangan guru bukan opsyen mempunyai tahap pengetahuan yang hampir sama jika guru bukan opsyen tersebut menjalani pembelajaran yang berterusan bagi meningkatkan potensi diri mendalamai kandungan pedagogi sesuatu mata pelajaran.

Pengetahuan dan kemahiran pedagogi merujuk kepada cara bagaimana guru menyampaikan isi kandungan pengajaran agar mudah untuk difahami dan dapat mengelakkan pemahaman konseptual murid terhadap apa yang dipelajari. Menurut Magdeline dan Zamri (2016), pedagogi adalah penglibatan penggunaan analogi, contoh, penerangan dan demonstrasi yang berkesan disamping mengambil kira latar belakang

murid. Pendapat ini selari dengan Shulman (1987) dengan menyatakan bahawa pemahaman pedagogi akan membantu guru-guru dalam membuat analogi, metafora, memberi contoh, mengadakan pelbagai aktiviti dan tunjuk cara membantu kejayaan murid. Pemahaman mengenai pedagogi adalah satu pengetahuan yang unik bagi seorang guru dan ia adalah berdasarkan pengetahuan tentang cara bagaimana guru mengajar di bilik darjah dengan apa yang perlu diajarkan kepada murid.

Effandi (2011) menyatakan bahawa kajian-kajian lepas hanya memberikan tumpuan kepada pelaksanaan pengajaran oleh guru di dalam bilik darjah dan tidak menumpukan pengetahuan asas guru. Oleh itu, kajian ini pula tumpuan diberikan pada pengetahuan asas guru dalam bidang Bahasa Melayu dengan memberi tumpuan kepada guru bukan opsyen tersebut. Melalui kajian Mohamad Safwandi (2014) pengetahuan pedagogi isi kandungan dalam kalangan guru bagi mata pelajaran Matematik mendapatkan bahawa guru matematik sekolah rendah sama ada terlatih dalam bidang atau tidak menunjukkan kemahiran pedagogi yang hampir sama. Namun kesan terhadap pemahaman pedagogi ini tidak dijelaskan secara total. Oleh itu dalam kajian ini pengkaji ingin melihat kemahiran pedagogi ini mampu memberi impak terhadap PdP di dalam bilik darjah oleh guru bukan opsyen Bahasa Melayu.

Isu motivasi dalam kalangan guru bukan opsyen yang terpaksa mengajar subjek luar bidang menjadi salah satu fokus utama kajian ini. Motivasi merupakan proses membangkitkan, mengarahkan dan mengekalkan tindakan tingkah laku ke arah tujuan tertentu, di mana sebelumnya tidak ada gerakan menuju ke arah tujuan tersebut (Mohammad Shatar 2005). Lauby (2005) pula menakrifkan motivasi sebagai daya psikologikal yang dibahagikan kepada tiga iaitu arah tingkah laku seseorang individu, tahap usaha seseorang individu dan tahap ketahanan individu apabila berhadapan dengan halangan. Kesimpulannya motivasi bukan berbentuk tingkah laku tetapi internal (dalam diri) yang kompleks dan tidak dapat difahami secara langsung tetapi mempengaruhi tingkah laku seseorang.

Sikap memainkan peranan yang pelbagai dalam meneraju perubahan. Sikap guru misalnya dalam memilih bahan bantu, strategi pengajaran, teknik dan penyampaian mencerminkan profesionalisme guru tersebut disamping berperanan penting untuk menentukan prestasi murid dalam mempelajari sesuatu bidang ilmu. Walau bagaimanapun dalam arena pendidikan isu guru bukan opsyen menjadi kebiasaan di kebanyakan sekolah masa kini. Minat terhadap sesuatu bidang pengajaran turut mendorong keberkesanannya penyampaian pengajaran.

Dalam satu kajian berkaitan sikap yang dijalankan oleh Jeffery (2018) dijalankan bertujuan mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan sikap guru dalam memilih bahan pengajaran. Hasil dapatan kajian menunjukkan guru bersifat positif terhadap pemilihan ciri-ciri bahan

pengajaran yang digunakan dalam PdP iaitu min 3.86. Faktor sikap memainkan peranan dalam menentukan prestasi seseorang dalam mempelajari sesuatu bidang ilmu. Kajian sebelum ini juga telah menghuraikan tentang kesan dan akibat sikap yang negatif dalam proses PdP terhadap pencapaian akademik murid. Pengaruh sikap ini juga telah dibuktikan oleh para pengkaji dengan meletakkan pelbagai faktor yang menentukan berlakunya sikap negatif dan positif pengajaran.

TUJUAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pemahaman, motivasi dan sikap guru-guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah ketika mengajar Bahasa Melayu. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap kemahiran pedagogi guru bukan opsyen terhadap PdP Bahasa Melayu.
2. Mengenal pasti tahap motivasi guru bukan opsyen Bahasa Melayu terhadap PdP Bahasa Melayu.
3. Mengenal pasti tahap sikap guru bukan opsyen Bahasa Melayu PdP Bahasa Melayu.

METODOLOGI

Metodologi kajian membincangkan mengenai kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Tujuan utama kajian adalah untuk meninjau faktor yang mempengaruhi PdP guru bukan opsyen Bahasa Melayu. Penilaian dilakukan melalui pandangan guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Hulu Langat

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik untuk mendapatkan profil responden serta faktor yang mempengaruhi PdP guru bukan opsyen Bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan di beberapa sekolah rendah di dalam kawasan Daerah Hulu Langat. Populasi kajian ini ialah guru bukan opsyen Bahasa Melayu. Oleh yang demikian, seramai 80 orang guru bukan opsyen Bahasa Melayu telah dipilih sebagai responden kajian ini.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ialah kaedah atau alat yang digunakan untuk menjalankan kajian. Instrumen utama kajian ialah soalan selidik yang terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama ialah demografik responden, yang meliputi soalan, umur, jantina, bangsa, pengalaman mengajar dan opsyen pengajaran ketika di Institut Pengajian Tinggi. Bahagian kedua ialah bahagian untuk pemboleh ubah tidak bersandar iaitu tahap kemahiran pedagogi, motivasi dan sikap guru bukan opsyen ketika menjalankan PdP Bahasa Melayu. Terdapat 10 item

untuk setiap pemboleh ubah kajian. Skala Likert 5 mata, iaitu 1: Sangat Tidak Setuju (STS), 2: Tidak Setuju (TS), 3: Neutral (N), 4: Setuju (S) dan 5: Sangat Setuju (SS) digunakan.

Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Item

Untuk memastikan instrumen yang digunakan tepat dan jitu, ujian rintis telah dilaksanakan kepada 20 orang yang mempunyai latar belakang demografi yang hampir sama dengan sampel kajian sebenar. Hasil analisis ujian rintis menunjukkan kesemua item untuk pemboleh ubah memiliki markah melebihi 0.65. Oleh itu, kesemua item akan digunakan di dalam kajian yang sebenar tanpa perlu pengubahsuaian atau penambahbaikan terhadap mana-mana item.

Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis dengan SPSS versi 26.0. Analisis dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A untuk soalan demografik, manakala bahagian B untuk mengenal pasti tahap kemahiran pedagogi, motivasi dan sikap guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah. Analisis deskriptif dan analisis inferensi dilakukan terhadap data daripada borang soal selidik. Untuk ujian deskriptif, pengiraan min, sisihan piawai, frekuensi dan peratusan akan dilakukan. Skala min yang dibangunkan oleh Jamil (2002), iaitu min 1.00-2.66 (tahap rendah), min 2.67-3.66 (tahap sederhana) dan min 3.67-5.00 (tahap tinggi) digunakan untuk menentukan tahap min bagi tiga pemboleh ubah yang dikaji (kemahiran pedagogi, motivasi dan sikap).

Untuk ujian inferensi, analisis regresi linear berganda dilakukan untuk mengkaji jenis dan tahap hubungkait antara pemboleh ubah. Ujian korelasi juga dilakukan untuk mengkaji jenis korelasi antara pemboleh ubah yang dikaji. Nilai alpha Cronbach akan menentukan tahap kebolehpercayaan item di dalam soal selidik. Menurut Chua (2011), nilai 0.65 dan ke atas dikategorikan sebagai item-item yang mempunyai kebolehpercayaan yang baik. Melalui kajian rintis, nilai alpha Cronbach bagi pemboleh ubah kajian ini adalah baik seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Berdasarkan Jadual 3, kesemua konstruk memperoleh nilai melebihi 0.65. Oleh itu, kesemua instrumen dalam soal selidik ini sesuai digunakan dalam kajian ini.

JADUAL 1. Hasil analisis alpha Cronbach

Pemboleh Ubah	Cronbach Alpha
1. Tahap Kemahiran Pedagogi Bahasa Melayu	0.701
2. Motivasi	0.720
3. Sikap Guru	0.705
Purata Nilai Cronbach Alpha	0.708

DAPATAN KAJIAN

Profil Responden Kajian

Berdasarkan Jadual 2, responden kajian ini adalah 80 guru bukan opsyen dari beberapa buah sekolah rendah di daerah kawasan Hulu Langat. 80 guru yang telah dipilih harus memenuhi dua syarat. Pertama, guru mesti mempelajari opsyen yang berbeza dengan Bahasa Melayu ketika di Institut Pengajian Tinggi. Kedua, guru harus mempunyai pengalaman dengan program PdP Bahasa Melayu. Kesemua responden telah diberikan borang soal selidik demografik yang meliputi aspek soalan, umur, jantina, bangsa, pengalaman mengajar dan opsyen pengajaran ketika di Institut Pengajian Tinggi.

JADUAL 2: Latar belakang demografi responden kajian

	Kategori	Frekuensi N=80	Peratus (%)
Umur			
• 25-30		11	13.75
• 30-35		21	26.25
• 35-40		29	36.25
• 40-45		9	11.25
• 45 tahun ke atas		10	12.5
Bangsa			
• Melayu		69	86.25
• Cina		4	4.5
• India		6	7.5
• Sikh		1	1.25
Jantina			
• Lelaki		32	40
• Perempuan		48	60
Pengalaman mengajar Bahasa Melayu			
• Kurang 1 tahun		32	40
• 1 – 3 Tahun		42	52.25
• 3-5 Tahun		5	6.25
• Lebih 5 Tahun		1	1.25
Opsyen pengajaran ketika di Institut Pengajian Tinggi			
• Aliran Sains		11	13.75
• Aliran Matematik		20	25
• Aliran Sejarah		32	40
• Aliran Kedokteran		1	1.25
• Aliran Kejuruteraan		3	3.75
• Aliran Pertanian		13	16.25

Dari aspek umur, majoriti responden berusia 35 hingga 40 (n = 29, 36.25%), diikuti dengan 30 hingga 35 tahun (n = 21, 26.25%), 25 hingga 30 tahun (n = 11, 13.75%), 45 tahun ke atas (n = 10, 12.5%), dan 40 hingga 45 tahun (n = 9, 11.25%). Seterusnya ialah profil bangsa responden. Majoriti responden berbangsa Melayu (n = 69, 86.25%), diikuti oleh India (n = 6, 7.5%), Cina (n = 4, 5%) dan satu sahaja guru berbangsa Sikh. Dapatkan kajian menunjukkan bilangan responden lelaki (n = 32 orang, 40%) lebih rendah daripada perempuan (n = 48 orang, 60%).

Jumlah responden perempuan yang tinggi selaras dengan kadar keseluruhan guru perempuan dan guru Bahasa Melayu perempuan yang lebih tinggi daripada

guru lelaki. Soalan seterusnya adalah pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di mana 42 orang (52.25%) responden telah mengajar 1 hingga 3 tahun, 32 orang (40%) responden mengajar kurang dari 1 tahun, 5 (6.25%) responden telah mengajar selama 3 hingga 5 tahun dan hanya satu orang (1.25%) responden mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu lebih dari 5 tahun. Akhir sekali, soalan opsyen pengajaran ketika di Institut Pengajian Tinggi. Untuk soalan ini, majoriti responden ($n = 32$, 40%) mengikuti aliran Sejarah ($n = 20$, 25%), diikuti dengan aliran Matematik ($n = 13$, 16.25%), Pertanian ($n = 11$, 13.75%), Sains ($n = 11$, 13.75%), Kejuruteraan ($n = 3$, 3.75%) dan hanya satu (1.25%) responden berasal dari aliran Kedoktoran.

Kemahiran Pedagogi Guru Bukan Opsyen Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Jadual 3 menunjukkan rumusan hasil deskriptif untuk kesemua item kemahiran guru bukan opsyen tentang pedagogi Bahasa Melayu.

JADUAL 3: Tahap kemahiran pedagogi guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah

Item Kemahiran Pedagogi	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1. Saya mahir dalam pedagogi Bahasa Melayu sekolah rendah.	2.59	1.000	Rendah
2. Saya tidak bergantung sepenuhnya dengan buku teks untuk mengajar Bahasa Melayu.	2.85	0.713	Sederhana
3. Saya menguasai teknik mengajar Bahasa Melayu yang efisyen untuk tujuan PdP.	2.87	0.843	Sederhana
4. Saya memahami objektif pengajaran yang sesuai untuk PdP Bahasa Melayu.	3.00	0.941	Sederhana
5. Saya dapat menentukan bahan bantu mengajar yang sesuai untuk PdP Bahasa Melayu.	2.61	0.961	Rendah
6. Saya menguasai keseluruhan kurikulum Bahasa Melayu dengan baik	2.60	0.722	Rendah
7. Saya mengaplikasikan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran untuk PdP Bahasa Melayu.	2.72	0.693	Sederhana
8. Saya mahir dalam menentukan masa pedagogi Bahasa Melayu.	2.71	0.901	Sederhana
9. Saya dapat menjawab semua soalan murid ketika sesi PdP Bahasa Melayu.	2.69	0.793	Sederhana
10. Kemahiran mengajar Bahasa Melayu yang dikuasai membolehkan saya mewujudkan suasana PdP yang menyeronokkan.	2.68	0.867	Sederhana
Purata Min	2.73	0.843	Sederhana

Analisis soal selidik menunjukkan min keseluruhan tahap kemahiran pedagogi guru-guru bukan opsyen Bahasa Melayu ini berada pada tahap sederhana dengan min 2.73 dan SP: 0.843. Item 4, iaitu ‘Saya memahami objektif pengajaran yang sesuai untuk PdP’ memperoleh min tertinggi dengan min 3.00. Item

1, iaitu ‘Saya mahir dalam pedagogi Bahasa Melayu’ ialah item yang memperoleh min terendah dengan min 2.59. Dengan kata lain, guru-guru bukan opsyen Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah ini mempunyai tahap kemahiran mengajar/pedagogi Bahasa Melayu yang sederhana sahaja. Hal ini bermakna, guru-guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah ini:

1. Kurang mahir dalam mengajar PdP Bahasa Melayu sekolah rendah.
2. Kurang memahami dengan baik kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah.
3. Kurang menguasai penggunaan bahan bantu mengajar Bahasa Melayu sekolah rendah.
4. Kurang menguasai kemahiran mengajar Bahasa Melayu sekolah rendah.
5. Kurang pemahaman bagaimana hendak menjawab soalan murid ketika mengajar Bahasa Melayu sekolah rendah.

Motivasi Guru Bukan Opsyen Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Jadual 4 membincangkan tahap motivasi guru-guru bukan opsyen opsyen ketika PdP Bahasa Melayu. Melalui analisis item yang dibuat, didapati min keseluruhan ialah 2.69 dan sisihan piawai 0.788, iaitu berada pada tahap sederhana. Item ke-4, iaitu ‘Saya selalu mendapat dorongan positif walaupun melakukan kesalahan mengajar Bahasa Melayu’ ialah item yang memperoleh min paling tinggi, iaitu min 3.03 dan sisihan piawai 0.900. Item pertama, iaitu ‘Saya sangat bermotivasi untuk mengajar program PdP Bahasa Melayu’ memiliki nilai min terendah dengan min 2.49. Lain-lain item berada pada tahap rendah dan sederhana nilai min yang diperoleh. Daripada analisis ini, dapat dirumuskan bahawa guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah:

1. Kurang motivasi untuk mengajar Bahasa Melayu. Latar belakang kelulusan sarjana muda yang bukan bidang Pendidikan Bahasa Melayu menyebabkan guru-guru ini kurang bermotivasi untuk mengajar Bahasa Melayu.
2. Lebih mengharapkan respons positif daripada murid untuk bermotivasi mengajar Bahasa Melayu.
3. Lebih mengharapkan guru-guru lain memberikan dorongan untuk lebih bermotivasi mengajar Bahasa Melayu.
4. Lebih mengharapkan pihak pengurusan sekolah sentiasa memberikan galakan dan motivasi kepada mereka untuk mengajar Bahasa Melayu dengan baik.

JADUAL 4: Tahap motivasi PdP guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah

Item Motivasi PdP Guru Bukan Opsyen Bahasa Melayu	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1. Saya sangat bermotivasi untuk mengajar Bahasa Melayu.	2.49	0.885	Rendah
2. Pihak sekolah mendorong motivasi saya untuk mengajar Bahasa Melayu dengan baik.	2.71	0.657	Sederhana
3. Rakan sekerja banyak memberikan saya motivasi ketika mengajar Bahasa Melayu.	2.84	0.786	Sederhana
4. Saya selalu mendapat dorongan positif walaupun melakukan kesalahan mengajar Bahasa Melayu.	3.03	0.900	Sederhana
5. Pihak sekolah sentiasa memberikan motivasi untuk saya mengajar Bahasa Melayu.	2.54	0.856	Rendah
6. Motivasi saya mengajar Bahasa Melayu meningkat apabila murid memberikan respons positif.	2.51	0.656	Rendah
7. Motivasi saya mengajar Bahasa Melayu tinggi kerana mahir dalam pedagogi Bahasa Melayu.	2.74	0.874	Sederhana
8. Guru Bahasa Melayu yang lain memberikan pandangan yang konstruktif dan ini mendorong motivasi saya mengajar Bahasa Melayu dengan baik.	2.84	0.876	Sederhana
9. Guru Bahasa Melayu yang lain selalu membaiki kelemahan mengajar saya dengan pendekatan yang positif dan ini memberikan saya motivasi.	2.51	0.636	Rendah
Purata Min	2.69	0.788	Sederhana

Sikap Guru Bukan Opsyen Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Jadual 5 membincangkan sikap guru-guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah ketika mengajar Bahasa Melayu. Analisis item menunjukkan bahawa min keseluruhan ialah 2.60 dan sisihan piawai 0.577, iaitu berada pada tahap rendah. Item ke-7, iaitu ‘Saya memiliki kemahiran menyusun ayat yang baik untuk mengajar Bahasa Melayu’ mendapat nilai min tertinggi dengan 3.03 dan sisihan piawai 0.899. Manakala item ke-3, iaitu ‘Saya selalu meningkatkan kemahiran pedagogi Bahasa Melayu supaya PdP Bahasa Melayu semakin efektif’ merupakan item yang peroleh min paling rendah dengan min 2.18 dan sisihan piawai 1.038. Lain-lain item berkaitan sikap guru bukan opsyen Bahasa Melayu ini berada pada tahap rendah dan sederhana. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa sikap guru-guru bukan opsyen terhadap PdP Bahasa Melayu adalah rendah di mana mereka:

1. Kurang kemahiran pedagogi Bahasa Melayu.
2. Kurang memiliki perwatakan positif ketika mengajar Bahasa Melayu.
3. Kerap panik ketika mengajar Bahasa Melayu.
4. Kurang yakin murid-murid mereka memahami PdP Bahasa Melayu dengan baik.
5. Memiliki persepsi negatif terhadap PdP Bahasa Melayu.

6. Kerap berputus asa untuk menyediakan rancangan mengajar (RPH) Bahasa Melayu dengan baik.

JADUAL 5: Tahap sikap PdP guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah

Item Sikap PdP Guru Bukan Opsyen Bahasa Melayu	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1. Saya tidak pernah berputus asa untuk menyediakan rancangan mengajar (RPH) Bahasa Melayu.	2.58	1.029	Rendah
2. Saya tidak mengambil jalan pintas dalam menyediakan rancangan mengajar (RPH) Bahasa Melayu.	2.76	0.783	Sederhana
3. Saya selalu meningkatkan kemahiran pedagogi Bahasa Melayu supaya PdP Bahasa Melayu semakin efektif.	2.18	1.038	Rendah
4. Saya tidak memiliki persepsi negatif terhadap PdP Bahasa Melayu.	2.54	0.710	Rendah
5. Saya jarang panik ketika mengajar PdP Bahasa Melayu di dalam kelas.	2.51	0.674	Rendah
6. Saya yakin PdP Bahasa Melayu relevan dengan objektif pembelajaran yang diperlukan oleh KPM.	2.67	0.654	Sederhana
7. Saya memiliki kemahiran menyusun ayat yang baik untuk mengajar Bahasa Melayu.	3.03	0.899	Sederhana
8. Saya yakin PdP Bahasa Melayu mudah difahami oleh murid.	2.54	0.634	Rendah
9. Saya menggunakan laras bahasa yang sesuai dengan murid ketika mengajar Bahasa Melayu.	2.67	0.781	Sederhana
10. Saya sentiasa menunjukkan perwatakan positif ketika mengajar Bahasa Melayu.	2.51	0.636	Rendah
Purata Min	2.60	0.577	Rendah

PERBINCANGAN

Pemahaman Pedagogi Guru Bukan Opsyen Bahasa Melayu

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa guru-guru bukan opsyen Bahasa Melayu ini mempunyai tahap pemahaman pedagogi mengajar Bahasa Melayu yang sederhana sahaja. Hal ini bermakna guru-guru ini memiliki pemahaman mengajar yang sedikit tentang Bahasa Melayu, PdP Bahasa Melayu, dan sebagainya. Pemahaman pedagogi tentang kurikulum dan PdP Bahasa Melayu ini banyak memberikan kesan negatif kepada guru bukan opsyen ini ketika mengajar Bahasa Melayu. Mereka bukan sahaja kurang pengalaman mengajar (74/80 orang memiliki pengalaman mengajar 1-3 tahun), tetapi mereka juga tidak memiliki kelulusan dalam bidang pendidikan atau pengajian Bahasa Melayu. Pengetahuan bahasa dan linguistik Bahasa Melayu adalah rendah.

Akibatnya, pemahaman mereka terhadap kurikulum dan PdP Bahasa Melayu kurang baik. Mereka tidak dapat mengajar Bahasa Melayu dengan baik dan efektif lantaran tidak ada pengetahuan dan kelulusan yang baik berkaitan Bahasa Melayu. Hal ini memberi kesan langsung kepada pembelajaran dan pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa

Melayu. Dapatan ini selari dengan kajian kajian Hafizati dan Suziyani (2021) yang mendapati guru-guru bukan opsyen Pendidikan Prasekolah mempunyai tahap pemahaman dan pengetahuan yang sederhana sahaja.

Hasil kajian juga mendapati guru bukan opsyen Bahasa Melayu kurang menguasai kemahiran mengajar Bahasa Melayu sekolah rendah. Menurut Nur Athirah (2017), guru yang efektif adalah di mana berkeupayaan dapat mempelbagaikan kemahiran pengajaran dengan menerapkan aspek pengetahuan, kemahiran dan juga nilai. Kebanyakan guru bukan opsyen Bahasa Melayu tidak membuat persediaan dari sebelum proses PdP berlangsung sehingga ke peringkat penilaian. Penguasaan kemahiran yang terhad menyebabkan guru bukan opsyen Bahasa Melayu tidak mampu membuat perancangan PdP secara sistematis. Kesannya, ia menyebabkan guru tidak berupaya untuk menarik minat serta perhatian murid untuk terus fokus semasa PdP Bahasa Melayu dilaksanakan. Hal ini demikian kerana, guru bukan opsyen Bahasa Melayu akan mengalami masalah sewaktu mengendalikan sesi PdP kerana mereka keliru terhadap kemahiran atau pun pendekatan yang digunakan dalam PdP Bahasa Melayu di dalam kelas. Situasi ini selari dengan dapatan kajian Noorzailiza et. al. (2020) yang mendapati guru-guru opsyen Bahasa Melayu berkemahiran menerapkan elemen PAK-21 dalam PdP Bahasa Melayu berbanding guru bukan opsyen. Pada masa yang sama, hasil kajian Fathizaki et al. (2021) juga menyatakan bahawa guru opsyen Sejarah lebih berkemahiran dalam sesi PdP berbanding dengan guru bukan opsyen Sejarah yang mempunyai kemahiran di tahap sederhana.

Dari aspek menentukan bahan bantu mengajar yang sesuai untuk PdP Bahasa Melayu pula berada di tahap yang rendah. Sebenarnya, penggunaan pelbagai jenis bahan bantu mengajar yang sesuai dalam sesi PdP amat penting sebagai alat pemudah cara yang membantu guru dalam memberikan kefahaman yang jelas mengenai sesuatu topik. Hal ini disokong oleh kajian Nur Syafiqah dan Nurul Nazirah (2018) yang menyatakan bahawa guru perlu kreatif dalam membina serta mengolah bahan bantu mengajar kerana penggunaan bahan yang kurang menarik akan menyebabkan murid kurang fokus dalam pembelajaran. Namun begitu, guru-guru bukan opsyen Bahasa Melayu dilihat seperti tidak minat serta tidak mampu menghasilkan sesi PdP yang lebih kreatif, inovatif dan bermakna. Perkara ini dikukuhkan dengan dapatan kajian Ahla-Wardah dan Denise (2022) yang mendapati bahawa guru yang mengajar Pendidikan Jasmani, tetapi bukan opsyen mempunyai tahap keyakinan yang rendah kerana mereka kurang latihan, pendedahan serta kurang berminat dalam Pendidikan Jasmani.

Motivasi Guru Bukan Opsyen Bahasa Melayu

Berdasarkan hasil dapatan secara keseluruhan didapati bahawa skor min tahap motivasi guru bukan opsyen

Bahasa Melayu berada pada tahap sederhana. Situasi ini bermaksud guru-guru bukan opsyen Bahasa Melayu kurang bermotivasi untuk mengajar subjek Bahasa Melayu kerana ia berbeza dengan bidang kelulusan mereka. Guru bukan opsyen Bahasa Melayu dilihat tidak mendapat sokongan dan dorongan terutamanya daripada rakan sekerja dan pihak pengurusan sekolah agar mereka selalu bersemangat untuk mengajar Bahasa Melayu sewaktu PdP bersama murid. Namun begitu, pernyataan ini bertentangan dalam kajian Abdul Razifet al. (2019) yang mendapati perkara yang menjadi permasalahan dalam aspek motivasi guru Bahasa Arab adalah kurangnya keyakinan dan kepercayaan terhadap murid mereka. Pernyataan ini turut disokong oleh kajian Rosni (2012), guru kerap menggunakan terjemahan sebagai langkah pengajaran yang akhirnya menghasilkan pelajar yang bersifat pasif dan memberi kesan terhadap kompetensi guru. Situasi ini dapat menjelaskan bahawa, bukan sahaja guru bukan opsyen mata pelajaran sahaja yang mempunyai masalah dalam motivasi sewaktu PdP, tetapi guru opsyen mata pelajaran juga mengalaminya.

Dapatan kajian juga menunjukkan sokongan dan dorongan daripada rakan sekerja dan pihak pengurusan sekolah kepada guru bukan opsyen Bahasa Melayu berada pada tahap sederhana. Hasil dapatan ini bertepatan dengan kajian Noor Shamshinar et al. (2014) mendapati guru bukan opsyen kurang diberi motivasi oleh pihak sekolah. Hakikatnya, guru bukan opsyen Bahasa Melayu amat memerlukan semangat daripada rakan sekerja untuk menjadikan mereka lebih bermotivasi dan tidak tersisih lantas menyumbang kepuasan terhadap kerjaya. Menurut Smetackova et al. (2019), faktor rakan sekerja merupakan faktor paling utama yang mempengaruhi kepuasan kerja dalam kalangan guru. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Nur Hamizah dan Tajul Ariffin (2021), iaitu satu kajian di sekolah menengah harian berprestasi rendah di Bangsar yang mendapati dimensi rakan sekerja merupakan penyumbang utama guru mendapat kepuasan kerja yang tinggi. Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa motivasi guru bukan opsyen Bahasa Melayu merupakan elemen penting agar proses penyampaian ilmu dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan memaksimumkan kefahaman murid.

Sikap Guru Bukan Opsyen Bahasa Melayu

Analisis dapatan kajian sikap guru-guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah ketika mengajar Bahasa Melayu berada di tahap rendah. Kebanyakan guru bukan opsyen Bahasa Melayu kurang kemahiran dalam aspek pedagogi. Naquiah dan Jimaa'in (2018) menyatakan bahawa pengetahuan kandungan guru dalam pengajarannya perlu terlebih dahulu mendahului kehendak pendidikan yang semakin mencabar, bukan hanya pada penguasaan pengetahuan kandungan, bahkan guru juga perlu juga pengetahuan pedagogi guru

juga perlu mantap dalam menyampaikan pengajaran dalam bilik darjah. Menerusi penulisan Akhimullah et al. (2019), terdapat perbezaan dalam aspek kemahiran dan sikap di antara guru yang mengajar mengikut opsyen dan guru yang mengajar bukan opsyen dan dibuktikan menerusi kajian yang telah dijalankan oleh Mazlan et al. (2017). Sebenarnya, guru-guru bukan opsyen ini hanyalah dijadikan sebagai bidan terjun bagi memastikan terdapat guru untuk meneruskan pengajaran tanpa mengambil kira kelayakan yang sepatutnya. Guru bukan opsyen Bahasa Melayu ini sudah pastinya memiliki pengetahuan yang sedikit terutama dari aspek isi kandungan pembelajaran dan kemahiran pedagogi pengajaran yang mana jauh berbeza dengan pembelajaran dalam bidang ikhtisasnya.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa guru bukan opsyen Bahasa Melayu sekolah rendah dilihat seperti tidak mempunyai keyakinan dalam membuktikan mereka mampu untuk mengendalikan pengajaran dan pembelajaran dengan lancar. Hal ini sedikit sebanyak menyebabkan mereka tidak mampu menjalankan yang berkualiti. Dapatkan ini selari dengan kajian Banu dan Mu'azam (2018) yang menyatakan bahawa guru luar bidang juga tidak bersikap positif menyebabkan mereka gagal menjadi seorang guru yang berkesan kerana semangat dan minat untuk mengajar akan mempengaruhi keberkesanan pengajaran. Menurutnya lagi, guru luar bidang berasa kurang bermotivasi gagal menjadi seorang guru yang berkesan kerana tidak mengambil apa-apa inisiatif untuk mengembangkan ilmu dalam subjek yang diajar.

Namun begitu, dapatkan ini tidak selari dengan kajian Mohamed Faizul et al. (2021) menyatakan bahawa tahap penaakulan pedagogi guru Pendidikan Jasmani bukan opsyen berada pada tahap yang tinggi dan kemahiran dimiliki membolehkan mereka bersedia menyampaikan pengajaran dengan baik. Seterusnya, dapatkan kajian juga mendapati bahawa guru kurang memiliki perwatakan positif ketika mengajar Bahasa Melayu. Menurut Goh et al. (2010), keadaan ini akan memberi kesan kepada kualiti pengajaran guru seterusnya menjelaskan pencapaian murid. Dalam kajian Nurul Nashrah et al. (2015), guru perlu bersikap proaktif dengan sentiasa berada selangkah ke hadapan mempersiapkan diri dengan penguasaan isi kandungan mata pelajaran yang diajar serta memanfaatkan pelbagai teknik dan pendekatan dalam PdP. Melalui latihan yang bersesuaian dengan bidang yang diajar oleh guru dapat membentuk sikap guru yang positif seterusnya membolehkan guru mengajar secara lebih berkesan. Perkara ini disokong oleh dapatkan kajian Suhartika dan Rosadah (2020) yang menyatakan bahawa guru bukan daripada opsyen Pendidikan Khas menunjukkan impak sikap positif terhadap pengajaran setelah menyelesaikan modul latihan berkaitan pendidikan khas. Oleh sebab itu, latihan profesional dalam bidang yang diceburi oleh guru adalah amat diperlukan.

IMPLIKASI KAJIAN

Hasil dapatan dalam kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat dan impak yang positif kepada pelbagai pihak yang berkaitan. Pengkaji juga mengharapkan agar, dapatkan kajian ini boleh dijadikan panduan dan diguna pakai sebagai rujukan oleh pelbagai pihak. Sehubungan itu, bahagian ini akan menjelaskan impak kajian kepada pihak sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri, dan KPM.

1. Sekolah: Pihak sekolah merupakan agensi penting dalam membentuk imej sesebuah institusi pendidikan yang baik. Huraian yang dijalankan melalui kajian ini sedikit sebanyak menjurus kepada pengurusan dan pentadbiran tenaga kerja di peringkat sekolah. Melalui dapatkan kajian yang dibuktikan, pihak sekolah boleh mengambil cakna tentang keperluan guru opsyen diberikan keutamaan mengajar mengikut bidang masing-masing agar guru boleh melaksana dan merancang pelbagai aktiviti yang menjurus ke arah pembentukan sikap dan motivasi yang baik semasa proses PdP.
2. Pihak Pejabat Pendidikan Daerah: PPD boleh memperoleh manfaat yang berguna hasil daripada kajian ini. Hal ini dapat memberi maklumat kepada PPD dalam membuat perancangan penempatan guru di sekolah-sekolah supaya seimbang dan memenuhi keperluan mata pelajaran. Melalui kajian ini juga, pihak PPD bersama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) boleh merancang penempatan guru mengikut keperluan opsyen kritikal di sekolah dengan sewajarnya bagi menampung keperluan tenaga pengajar. Hal ini juga dapat mengelakkan berlakunya berlebihan guru di satu-satu sekolah.
3. KPM: Sudah menjadi tugas dan tanggungjawab pihak KPM dalam menyediakan tenaga kerja yang berpotensi dalam kepakaran khusus untuk ditempatkan di sekolah. Namun kekangan sumber manusia mengikut pengkhususan dilihat menjadi cabaran utama pihak KPM untuk merealisasikan tugas dan tanggungjawab tersebut. Oleh hal demikian, hasil dapatkan kajian ini sekurang-kurangnya mampu memberi gambaran awal tentang kepentingan mewujudkan pusat latihan guru mengikut pengkhususan spesifik. Hal ini diharap dapat melahirkan lebih ramai tenaga pengajar bagi satu-satu bidang tersebut agar masalah guru mengajar subjek bukan kemahirannya dapat dielakkan seterusnya memberikan kesan positif terhadap perkembangan kemahiran murid di sekolah kemudian hari. Maklumat-maklumat yang diperoleh dalam kajian ini juga sedikit sebanyak dapat menyampaikan hasrat sekolah supaya pihak KPM dapat membuat pertimbangan mengenai kesan pelantikan dan penempatan guru bukan opsyen terhadap

pendidikan bagi membantu keperluan sekolah yang memerlukan.

KESIMPULAN

Sistem pendidikan Bahasa Melayu dirangka dan dilaksanakan bertujuan memastikan setiap murid dapat mencapai potensi sepenuhnya. Semua pihak perlulah memainkan peranan untuk memastikan impian dan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013) yang digarap melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini dapat dicapai dengan jayanya. Selaras dengan matlamat ini, aspek penguasaan Bahasa Melayu merupakan sebahagian daripada elemen penting yang perlu diberi penekanan di pelbagai peringkat pendidikan. Justeru, pelbagai usaha dilaksanakan untuk mengangkat Bahasa Melayu seiring dengan kepentingannya sebagai bahasa pendidikan dan bahasa kebangsaan. Selain itu, Bahasa Melayu juga boleh dilihat sebagai nadi dan kunci utama dalam sistem pendidikan di Malaysia yang menjadi bahasa ini sebagai bahasa pengantar rasmi di peringkat sekolah. Disebabkan itu, penguasaan Bahasa Melayu adalah amat dititikberatkan dan dijadikan sebagai mata pelajaran wajib lulus di sekolah.

Keupayaan untuk menguasai Bahasa Melayu dengan baik sering dibebani dengan pelbagai cabaran dan halangan. Antara cabaran yang perlu dihadapi dalam dunia pendidikan masa kini adalah keperluan guru opsyen pakar atau berkemahiran khusus dalam bidang ini. Keperluan guru opsyen khusus bidang dilihat menjadi tonggak utama di peringkat sekolah untuk mencapai keperluan pemerolehan murid. Selain itu, guru opsyen khusus ini mampu menjadi pembimbing rakan guru di sekolah yang turut terlibat dalam pengajaran bidang Bahasa Melayu. Pendapat ini didokong dengan kajian Dicken dan Tajul Arifin (2017) yang menyatakan keberkesanan PdP amat bergantung kepada kemahiran dan tahap pengetahuan guru. Kesediaan seseorang guru memainkan peranan yang penting dalam memastikan perjalanan PdP berjalan lancar dan berkesan.

Oleh itu, dalam usaha memartabatkan dan memperkasakan Bahasa Melayu kajian ini penting dalam mengenal pasti cabaran yang dihadapi guru bukan opsyen Bahasa Melayu. Cabaran dilihat dari aspek tahap pemahaman pedagogi Bahasa Melayu, tahap motivasi, sikap dan masalah-masalah lain yang dihadapi oleh guru bukan opsyen Bahasa Melayu. Kajian ini penting dalam melihat persepsi guru bukan opsyen Bahasa Melayu yang mengajar Bahasa Melayu sama ada di sekolah rendah maupun sekolah menengah sebagai rujukan kepada pihak KPM, JPN, PPD dan pihak sekolah tentang keperluan guru bukan opsyen di sekolah.

RUJUKAN

- Abdul Razif Zaini, Noorshamsinar Zakaria, Hasmadani Hamdan, Muhammad Redzaudin Ghazali & Mohd Rufian Ismail. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 12 (1), 47-57.
- Ahla-Wardah Mohd Amin & Denise Koh Choon Lian. (2022). Persepsi literasi fizikal dalam kalangan guru pendidikan jasmani di sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4 (1), 145-159
- Akhimullah Abd Hamid, Abdul Razak & Mohd Mahzan Awang (2019). Concept, issues and challenges for effective facilitations in History education. *Social Sciences, Education and Humanities*, 1 (2), 176-181
- Anon. 4 Februari 2014. Guru punca murid tak minat sejarah? *Sinar Harian*. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/guru-punca-murid-tak-minat-sejarah-1.247467> (Diakses pada 13 Mei 2022)
- Banu a/p Ramanan & Mu'azam Muhamad. (2018). Kompetensi guru luar bidang terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris dalam bilik darjah. *Proceedings of International Conference on the Future of Education IconFEd*. Institute of Teacher Education Tuanku Bainun Campus, Penang, Malaysia, 10-12 July 2018, 395-412
- Dicken Kilue & Tajul Arifin Muhamad. (2017). Cabaran pengajaran subjek Pendidikan Jasmani di sekolah menengah di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 2 (2), 53-65.
- Fathizaki Rifin, Anuar Ahmad & Norasmah Othman. (2021). Kompetensi guru dalam penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran pendidikan Sejarah. *Malaysia Journal of Sciences and Humanities*, 6 (1), 194-205.
- Goh L.H. & Kwong, J. (2010). The effect of the MBI proficiency course on the perceived proficiency and self-efficacy of non-option English language teachers: A case study. *paper presented during strengthening English language through teacher Professional Development. ELTC Education Conference, Royal Bintang Hotel*: 5-7 July 2011
- Hassan, N., & Wahab, J. A. (2017). Kepuasan kerja dalam kalangan guru di sekolah menengah Zon Bangsar. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-VIII*, hlm. 401-408. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haslina Hamzah, Noor Shamshinar Zakaria, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Julia Madzalan & Syed Mohd Najib Syed Yahya. (2017). Persepsi guru bukan opsyen tentang pengajaran Bahasa Arab: Satu kajian terhadap guru Pendidikan Islam di beberapa Sekolah Rendah Agama Jais Daerah Hulu Langat, Selangor. *Prosiding Seminar*

- Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2017), hlm. 93-108.
- Hafizati Husna Ibrahim & Suziyani Mohamed (2021). Kompetensi guru-guru bukan opsyen dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (2), 377-385.
- Jain Chee, Mariani Md Nor, Abdul Jalil Othman & Mohd Nazri Abdul Rahman. (2018). Isu pengetahuan kandungan, pedagogi dan teknologi dalam kalangan guru prasekolah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6 (1).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2017-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lauby, S.J. (2005). *Motivating Employees: Information Life Line*. Virginia: ASTD Press.
- M. Kaviza, Fauziah Abdul Rahim & Nurliyana Bukhari. (2018). Penggunaan sumber sejarah dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah: Satu kajian perbandingan antara guru opsyen sejarah dan guru bukan opsyen sejarah. *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'18)*.
- Magdeline Nor & Zamri Mahamod. (2016). *Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Iban*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Faizul Mat Som, Syed Kamruzzaman Syed Ali, Shahrir Jamaluddin & Mohd Faiz Mohd Baharan (2021). Tahap penaakulan pedagogi guru pendidikan jasmani sekolah menengah dari apek kefahaman dan transformasi: Satu kajian di daerah Klang, Selangor. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 9 (1).
- Naquiah Nahar & Jimaaín Safar. (2018). Penguasaan pengetahuan kandungan: pemangkin keterampilan pedagogi Jawi berkesan abad ke-21. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial*, 8(1), 45-59.
- Noor Shamshinar Zakaria, Zetty Nurzuliana Rashed dan Mohd Kamal Din. (2014). Kesediaan guru pendidikan Islam dalam pengajaran Bahasa Arab: Satu kajian terhadap guru pelatih Diploma Perguruan Pendidikan Islam di KUIS. *Jurnal Pendidikan*, 1 (2).
- Noorzailiza Zinal Abidin, Rozita Radhiah Sais, Azhar Md Sabil & Ahamd Fauzi Mohd Ayu. (2020). Amalan pengajaran guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran abad 21 prosa tradisional di sekolah. *International Social Science and Humanities Journal*, 3 (3), 2637-0271.
- Nur Athirah Ariffin, & Faridah Yunus. (2017). Kesediaan guru prasekolah dalam melaksanakan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Simposium Pendidikan DiPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017), 147–152.
- Nur Hamizah dan Tajul Arifin. (2021). Kepuasan kerja dan burnout guru pendidikan jasmani di daerah Langkawi. *Malaysia Journal of Sciences and Humanities*, 6 (5), 22-34.
- Nurul Nashrah Salehudin, Noor Hasimah Hassan & Nur Aida Abdul Hamid. (2015). Matematik dan kemahiran abad ke-21: Perspektif pelajar. *Mathematic Education Journal*, 3(1), 24-36
- Nur Syafiqah Isa & Nurul Nazirah Mohd Imam Ma'arof. (2018). Keberkesanan penggunaan grafik berkomputer sebagai alat bantu mengajar dalam kalangan pelajar reka bentuk dan teknologi. *Sains Humanika*, 10(3-3): 81-87
- Ong Sze Chong, Zamri Mahamod & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2019). *Guru Cemerlang*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosni Samah. (2012). Isu pembelajaran Bahasa Arab. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR '12), Universiti Kebangsaan Malaysia
- Siti Salwa Ab. Manap, Rasidayanty Binti Saion, Zainordin Bin Rais dan Jamil Abd Baser. (2016). Pengajaran guru opsyen dan bukan opsyen Kemahiran Hidup Bersepadu sekolah rendah di Batu Pahat. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 2 (2), 153-162.
- Siti Zubaidah Che Mohd Noor & Abdul Razak Ahmad. (2015). Kreativiti guru dalam meningkatkan pemahaman dan penghayatan sejarah. *Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education*, November 5-7.
- Smetackova, I., Viktorova, I., Pavlas Martanova, V., Pachova, A., Francova, V., & Stech, S. (2019). Teachers between job satisfaction and burnout syndrome: What makes difference in Czech elementary schools. *Frontiers in Psychology*, 10(Oct.), 1-8.
- Suhartika Kasimum & Rosadah Abdul Majid. (2020). Tahap pengetahuan dan kemahiran, dan tahap latihan guru pendidikan khas dalam pengajaran pendidikan khas. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. 24 - 25 November 2020
- Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (2020). *Profesional Keguruan dan Pembangunan Insan*. (Phyt.). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. (2015). *Kepelbagai Pelajar dan Perbezaan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zamri Mahamod. (2019). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Keempat. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.